



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA  
Ministry of Higher Education, Malaysia  
JABATAN PENGURUSAN IPT  
Department of Higher Education Management  
SEKTOR PENGURUSAN IPTS  
Private Higher Education Management Sector  
ARAS 2, BLOK E9, PARCEL E,  
Level 2, Block E9, Parcel E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
Federal Government Administrative Centre  
62505 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN



Tel : 603-88835000  
Faks : 603-88895135  
Web : <http://www.mohe.gov>

Ruj. Kami : KPT(JPS)100-4/2(1D)  
Tarikh : 28 November 2006

Semua Ketua Eksekutif  
Institusi Pengajian Tinggi Swasta

Y. Bhg. Tan Sri / Dato' / Datuk / Datin / Tuan / Puan,

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN, SEKTOR PENGURUSAN INSTITUSI  
PENGAJIAN TINGGI SWASTA, JABATAN PENGURUSAN IPT,  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA  
BIL. 6/2006**

**Pemberitahuan Berhubung Syarat-Syarat Tambahan Untuk Permohonan  
Merekrut Pelajar Antarabangsa**

Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai syarat-syarat tambahan kepada syarat-syarat sedia ada bagi permohonan Institusi Pengajian Tinggi Swasta untuk merekrut pelajar antarabangsa.

2. Wawasan negara untuk menjadi pusat kecemerlangan pengajian tinggi dan sasaran 100,000 pelajar antarabangsa akan dicapai jika institusi pengajian tinggi berkualiti dan menguruskan pelajar antarabangsa dengan baik. Justeru, sistem pengambilan pelajar antarabangsa yang mantap adalah penting.
3. Sehubungan itu, Kementerian ini memutuskan untuk mengenakan syarat-syarat tambahan kepada syarat-syarat yang sedia ada bagi permohonan IPTS merekrut pelajar antarabangsa diperakukan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).
4. Syarat-syarat tambahan tersebut adalah seperti pada Lampiran.
5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
(PROF. DR. MAHANI BT. ZAINAL ABIDIN)  
Timbalan Ketua Pengarah  
Sektor Pengurusan IPTS

s.k.

1. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
2. Ketua Setiausaha  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN)
3. Ketua Pengarah  
Jabatan Pengurusan IPT  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
4. Ketua Pengarah  
Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN)
5. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
6. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Penyelarasan Dasar  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
7. Penasihat Undang-undang  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
8. Setiausaha Sulit Kanan  
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
9. Setiausaha Sulit Kanan  
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN SEKTOR PENGURUSAN IPTS,  
JABATAN PENGURUSAN IPT,  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA  
BIL. 6/2006

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN  
PERMOHONAN MEREKRUT PELAJAR ANTARABANGSA**

**1. Tempoh Sahlaku**

Tempoh sahlaku kelulusan KHEDN adalah dua tahun bermula pada tarikh surat pekelling dikeluarkan. IPTS dikehendaki mengemukakan permohonan untuk membaharui kelulusan KHEDN enam bulan sebelum tamat tempoh sahlaku.

**2. Jaminan Kualiti Kursus Pengajian**

Semua kursus pengajian yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa hendaklah mendapat *provisional accreditation* (bagi IPTS bukan bertaraf universiti) dan akreditasi (bagi IPTS yang bertaraf universiti).

IPTS yang telah memperolehi kelulusan KHEDN tetapi belum memperolehi *provisional accreditation* / akreditasi bagi kursus yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa adalah diberi tempoh selama dua tahun dari tarikh arahan ini dikeluarkan untuk memenuhi syarat ini.

**3. Perpindahan Pelajar Antara IPTS**

Bagi kes-kes perpindahan pelajar dari satu IPTS ke satu IPTS yang lain, kelulusan bertulis dari Kementerian Pengajian Tinggi hendaklah diperolehi sebelum IPTS memohon kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk memohon perpindahan.

**4. Pembatalan Kelulusan KHEDN**

IPTS yang dijual kepada pengusaha yang lain atau bergabung dengan IPTS yang lain dengan sendirinya akan terbatal kelulusan KHEDN. Permohonan baru hendaklah dikemukakan sekiranya IPTS hendak merekrut pelajar antarabangsa.

**5. Pertukaran Premis IPTS**

Mana-mana IPTS yang berpindah atau menukar premisnya hendaklah mengemukakan satu salinan kelulusan pertukaran premis tersebut kepada Unit Ekspatriat dan Pelajar Antarabangsa, Sektor Pengurusan IPTS. Penilaian semula kelulusan KHEDN akan dilakukan bagi IPTS yang bertukar premis sebelum IPTS boleh terus merekrut pelajar asing.

## 6. Pertimbangan Permohonan Visa Pelajar Oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

JIM akan mempertimbangkan permohonan visa pelajar berdasarkan kriteria-kriteria berikut :

- a. IPTS sudah mempunyai peratusan (%) pelajar tempatan yang signifikan.
- b. Komposisi pelajar antarabangsa yang berdaftar di mana-mana IPTS hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) buah negara dan tidak tertumpu pada sebuah negara sahaja.
- c. Jumlah pelajar antarabangsa yang boleh diambil adalah berdasarkan kapasiti IPTS yang akan ditentukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.
- d. IPTS hendaklah mempunyai prestasi yang baik dari segi :
  - Pengurusan pelajar antarabangsa
  - Kemudahan serta pengurusan penginapan pelajar / asrama yang baik
  - Kemudahan infrastruktur dan kemudahan / kelengkapan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan mencukupi
  - Jaminan kualiti kursus pengajian
  - *Track record* yang baik

**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN PEREKRUTAN PELAJAR ANTARABANGSA  
KE INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA DI MALAYSIA  
UNTUK DIPERAKUKAN KEPADA  
KEMENTERIAN HALIHWAL DALAM NEGERI**

**1. SYARAT PERMOHONAN**

Semua institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang ingin merekrut pelajar antarabangsa hendaklah mengemukakan Borang RAB 01/PIN 4/2005 ke Sektor Pengurusan IPTS , Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pemohon seharusnya meneliti garis panduan ini sebelum mengemukakan permohonan kerana pemrosesan borang hanya dibuat bagi permohonan yang cukup syarat dan diisi dengan lengkap.

**2. REKOD PRESTASI**

- 2.1 IPTS hendaklah mempunyai rekod yang baik dari segi pematuhan undang-undang dan peraturan bertulis yang berkaitan dengan pendidikan swasta dan perekrutan pelajar antarabangsa.
- 2.2 IPTS yang mempunyai rekod melanggar undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pendidikan swasta dan perekrutan pelajar boleh menyebabkan kelulusan yang diperolehi terdahulu ditarik balik pada bila-bila masa.

**3. PINDAAN NAMA DAN PERTUKARAN ALAMAT**

Sebarang pindaan nama dan pertukaran alamat IPTS hendaklah dimaklumkan ke Sektor Pengurusan IPTS , Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan menyertakan salinan surat kelulusan mengenai perkara tersebut.

**4. KURSUS YANG DITAWARKAN**

- 4.1 Semua kursus yang ingin ditawarkan kepada pelajar antarabangsa mestilah mendapat standard minimum atau akreditasi.
- 4.2 Kursus-kursus tersebut juga semestinya masih dalam tempoh sahlaku yang telah ditetapkan.

## **5. UNIT / PEJABAT PELAJAR ANTARABANGSA**

- 5.1 IPTS hendaklah mempunyai unit atau pejabat pelajar antarabangsa yang bertanggungjawab dalam semua urusan berkaitan dengan pelajar antarabangsa.
- 5.2 Unit atau pejabat ini hendaklah dikendalikan oleh kakitangan yang berkelayakan dan berpengalaman dalam urusan pelajar antarabangsa khusus dalam bidang kaunseling

## **6. KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL**

- 6.1 IPTS hendaklah menyediakan tempat tinggal untuk pelajar antarabangsa. Tempat tinggal ini adalah dalam bentuk asrama yang disediakan oleh institusi berkenaan atau rumah/apartment sewaan yang diurus penyediaan dan penyaliaannya oleh institusi berkenaan.
- 6.2 IPTS adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan pelajar yang tinggal di asrama, rumah atau apartment sewaan di bawah seliaannya.
- 6.3 Bilangan Pelajar yang mendiami rumah / apartment / bilik hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Kerajaan tempatan.

## **7. PEMERIKSAAN KESIHATAN**

Pelajar antarabangsa dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan di negara asal dan membawa bersama rekod kesihatan tersebut untuk disahkan oleh pegawai perubatan (dokter) di Malaysia.

## **8. INSURANS PELAJAR ANTARABANGSA**

IPTS hendaklah menguruskan insurans untuk pelajar antarabangsa yang merangkumi perkhidmatan kesihatan, kemalangan dan kematian.

## **9. DASAR PEMULANGAN YURAN DAN FI PENGAJIAN**

- 9.1 IPTS hendaklah menyediakan Buku Panduan Pelajar yang mengandungi pelbagai yuran dan satu dasar pemulangan yuran dan fee pengajian yang jelas dan mudah difahami oleh pelajar.
- 9.2 IPTS adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada setiap pelajar akan dasar dan prosedur pemulangan pelbagai yuran dan fee pengajian sebelum mereka berdaftar dengan institusi berkenaan.
- 9.3 Kegagalan memulangkan pelbagai yuran dan fi pengajian yang menjadi hak pelajar membolehkan kelulusan merekrut pelajar antarabangsa ditarik balik.

**10. MAKLUMAN KEPADA KEDUTAAN NEGARA ASAL PELAJAR ANTARABANGSA**

IPTS dikehendaki menghantarkan senarai nama pelajar antarabangsa yang mengandungi nama, alamat penginapan di Malaysia, jantina, nombor passport, nama kursus, peringkat pengajian, tarikh mula pengajian dan tarikh tamat pengajian kepada Kedutaan atau Konsulat negara asal pelajar dalam Bahasa Inggeris (SALINAN KEPADA JABATAN INI).

**11. REKOD DAN LAPORAN TAHUNAN PELAJAR ANTARABANGSA**

11.1 Institusi adalah bertanggungjawab menyimpan rekod pelajar antarabangsa termasuklah kehadiran dalam kelas.

11.2 Institusi hendaklah mengemukakan rekod kehadiran pelajar bila diperlukan pada bila-bila masa.

11.3 Institusi hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya pelajar gagal menghadiri kelas tiga hari berturut-turut tanpa sebarang sebab dan satu salinan dikemukakan ke Sektor Pengurusan IPTS, JPT, KPTM.

11.4 Kegagalan mengemukakan rekod kehadiran pelajar membolehkan kelulusan merekrut pelajar antarabangsa ditarik balik pada bila-bila masa.

11.5 Laporan Pelajar Antarabangsa hendaklah dikemukakan setiap bulan kepada

- Sektor Pengurusan IPTS, Jabatan Pengurusan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia;

**12. KOD AMALAN ETIKA PEREKRUTAN PELAJAR ANTARABANGSA DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA**

IPTS yang telah dan bercadang untuk merekrut pelajar antarabangsa hendaklah mengamalkan garis panduan yang tercatat dalam kod amalan berkenaan.